



**TAWARAN SEWAAN BILIK SEJUK (COLD ROOM)
PINEAPPLE INFORMATION CENTRE (PIC) SERDANG, SELANGOR.**

PEMBERITAHUAN : Kandungan borang ini adalah hak cipta Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Sebarang penyebaran atau pengubahsuaian kandungan borang ini oleh pihak lain adalah dilarang. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dengan ini memastikan maklumat yang diberikan oleh pemilik perniagaan tidak akan didedahkan kepada pihak lain tanpa kebenaran.

Pemohon/Syarikat mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berdaftar di bawah LPNM;
- iii. Keutamaan kepada permohonan yang menyewa sekurang-kurangnya setahun.
- iv. Keutamaan bagi tujuan pemasaran dan penyimpanan buah nanas segar atau produk keluaran industri nanas dan lain-lain berkaitan.

Sila kemukakan bersama salinan dokumen sokongan yang berkaitan seperti berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan;
- ii. Salinan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Borang A atau D termasuk maklumat perniagaan dan maklumat terkini pemilik); atau
- iii. Salinan Borang 9, Borang 24 dan Borang 49 (jika Pendaftaran Syarikat atau SDN. BHD.); atau
- iv. Salinan Borang 3 (jika Pendaftaran Pertubuhan);
- v. Salinan Penyata Kewangan terkini ATAU penyata Akaun Bank (3 Bulan terkini) ATAU Salinan Buku Simpanan Bank (Butiran akaun dan baki akhir);
- vi. Salinan Profail syarikat;
- vii. Senarai item/produk yang akan disimpan dalam bilik sejuk LPNM.



**TAWARAN SEWAAN BILIK SEJUK (COLD ROOM)
PINEAPPLE INFORMATION CENTRE (PIC) SERDANG, SELANGOR.**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemohon Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berminat serta memenuhi syarat-syarat permohonan untuk menyewa bilik sejuk (cold room) milik Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) seperti mana berikut:

**i) BILIK SEJUK (COLD ROOM) PINEAPPLE INFORMATION CENTRE (PIC)
SERDANG, SELANGOR**

LOKASI PREMIS	JENIS PREMIS	JUMLAH KOSONG	JENIS PERNIAGAAN DIBENARKAN
Laman Nanas, Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor.	Bilik Sejuk (Cold Room)	1 Unit	Menjalankan pemasaran dan penyimpanan buah nanas segar atau produk keluaran industri nanas dan lain-lain berkaitan

2. Borang Tawaran Sewaan Bilik Sejuk (Cold Room) boleh didapati mulai **19 Ogos 2022** hingga **01 September 2022**, melalui laman sesawang Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia di www.mpib.gov.my.

3. Borang Tawaran Sewaan ini diberikan secara **PERCUMA**.

4. Setiap pemohon mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berdaftar di bawah LPNM;
- iii. Keutamaan kepada permohonan yang menyewa sekurang-kurangnya setahun;
- iv. Keutamaan bagi tujuan pemasaran dan penyimpanan buah nanas segar atau produk keluaran industri nanas dan lain-lain berkaitan;
- v. Bersedia memberikan kerjasama dan melaksanakan pemindahan teknologi kepada golongan sasaran yang difikirkan perlu oleh LPNM.

5. Pemohon/Syarikat/Pertubuhan adalah dinasihatkan untuk membuat semakan dan lawatan ke premis sebelum membuat permohonan sewaan **Bilik Sejuk (Cold Room) Pineapple Information centre (PIC) Serdang, Selangor.**
6. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengemukakan dokumen di atas akan dikira **TERBATAL** dan tidak akan diproses.
7. Iklan tawaran ini akan ditutup pada **01 September 2022** pada **jam 12.00 tengah hari.**
8. Borang Tawaran Sewaan yang lengkap hendaklah dikemukakan sebelum atau pada tarikh tutup kepada:-

Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Wilayah Tengah

Laman Nanas, Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS),

Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor.